

Penghadang jambatan **runtuh**

Ancam keselamatan, penduduk kesal ia masih tidak dibaiki sejak setahun lalu

SUNGAI BESAR — Penduduk di Kampung Parit 11 Timur meluahkan rasa bimbang tentang soal keselamatan mereka selepas sebahagian penghadang kiri jambatan kampung itu runtuh sejak lebih kira-kira setahun lalu.

Seorang penduduk, Mat Azhari Ngadiman, 45, berkata, penduduk yang berulang-alik menggunakan jambatan utama itu untuk menjalankan urusan harian khuatir, sekiranya terdapat penduduk yang terjatuh di parit berkenaan.

Menurutnya, keadaan itu sudah tentu mengancam keselamatan sesiapa saja setiap kali melalui jambatan itu terutama kanak-kanak yang bermain di kawasan sekitar ketika musim cuti persekolahan ini.

“Biasanya ramai anak dan cucu-cucu pulang ke kampung pada cuti sekolah, kami

bimbang jika mereka tak biasa dengan kawasan ini boleh mengundang bahaya jika terjatuh ke dalam parit pembuang ini,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Mat Azhari berkata, dia sendiri pernah menyaksikan seorang kanak-kanak terjatuh di kawasan parit berdekatan sebuah sekolah, namun kanak-kanak itu berjaya diselamatkan.

“Saya sendiri terjun ke parit menyelamatkan kanak-kanak terbabit dan saya tak mahu kejadian sama berulang kerana bimbang ia boleh mengakibatkan kehilangan nyawa, tambahan pula jika parit dalam,” ujarnya.

Katanya, paras air dari parit pembuang itu mampu mencecah paras leher bagi dewasa dan sudah tentu membahayakan keselamatan nya-



Mat Azhari menunjukkan sebahagian penghadang kiri jambatan yang runtuh dan masih belum dibaik pulih pihak berwajib.

wa kanak-kanak jika terjatuh ke dalam parit berkenaan.

Seorang lagi penduduk, Mohd Zulhemi Tajudin, 26,

berkata, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) perlu mengambil langkah proaktif dalam menyelesaikan masalah itu

segera agar keselamatan penduduk yang melalui jambatan itu lebih terjamin.

Katanya, JPS tidak perlu

menunggu sehingga berlaku kes di kawasan itu baharu bertindak, sebaliknya mengganti penghadang baharu yang lebih kukuh bagi mengelakkan kejadian tidak diingini.

“Biarpun kawasan ini diterangi lampu pada waktu malam, tetapi itu bukan jaminan jambatan ini selamat digunakan, apatah lagi bagi warga emas yang menunggang motosikal dan memandu kenderaan lain,” katanya.

Menurutnya, terdapat beberapa kawasan lain di parit bendang sekitar Sungai Besar mengalami masalah serupa, namun pihak terbabit seolah-olah tidak mengendahkan keselamatan penduduk.

“Saya percaya beberapa tempat lain juga berdepan masalah ini, tapi masih tiada tindakan dibuat untuk menyelesaikannya,” katanya.